



**PENGARUH AGEN SOSIAL TERHADAP AMALAN KEROHANIAN ISLAM  
DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM POLITEKNIK MALAYSIA**

**[THE INFLUENCE OF SOCIAL SUPPORT ON THE APPRECIATION  
OF SPIRITUAL PRACTICES AMONG MUSLIM MALAYSIANS  
POLYTECHNIC STUDENTS]**

SAID @ SAIDI MUDA<sup>1</sup> & FATMAWATI MOHAMED<sup>2\*</sup>

1\* Politeknik Hulu Terengganu, Jalan Pengkalan Gawi - Tasik Kenyir, Kuala Jeneris, 21700 Kuala Berang, Terengganu, MALAYSIA.

2\* SMK Engku Bijaya Sura, Jalan Sekolah Tebing Tembah, 23100 Paka, Terengganu, MALAYSIA.

Correspondent Email: saidifm71@gmail.com

---

*Received: 19 January 2023*

*Accepted: 17 February 2023*

*Published: 31 March 2023*

---

**Abstrak:** Amalan kerohanian dalam kalangan pelajar memperlihatkan kelemahan penghayatan yang agak ketara. Sebahagian besar mengambil mudah terhadap pelaksanaan dalam kehidupan seharian menyebabkan jati diri sebagai peribadi muslim semakin luntur. Fenomena ini menyebabkan mereka mudah terjebak kepada anasir yang tidak sihat sehingga melanggar batasan agama. Kajian ini bertujuan melihat tahap penghayatan amalan kerohanian pelajar muslim Politeknik Malaysia. Selain itu kajian juga ingin menentukan pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa serta perbezaannya berdasarkan faktor demografi, hubungan dan sumbangannya terhadap penghayatan amalan kerohanian. Kajian kuantitatif deskriptif dan inferensi ini menggunakan rekabentuk tinjauan melalui soal selidik yang dibangunkan sendiri dan mendapat pengesahan sekumpulan pakar dengan kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai *cronbach alpha* 0.940 dalam kajian rintis.. Seramai 716 orang telah terpilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah rawak berstrata. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 20 dan AMOS 20. Ujian Perbandingan Min, Analisis Korelasi, Regresi Pelbagai dan Model Persamaan Berstruktur (SEM) telah digunakan untuk menguji persoalan kajian. Untuk itu satu model hubungan antara pemboleh ubah kajian telah dibina. Dapatan menunjukkan tahap penghayatan amalan kerohanian pelajar Politeknik Malaysia adalah sederhana tinggi. Tahap pengaruh ibu bapa adalah tinggi. Pengaruh rakan sebaya, institusi dan media massa masing-masing mencatatkan keputusan sederhana tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan amalan kerohanian berdasarkan jantina dan zon pengajian. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan antara pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, institusi, media massa dengan penghayatan amalan kerohanian pelajar. Secara keseluruhannya dapatan ini menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa banyak menyumbang dan memberi kesan yang besar kepada penghayatan amalan kerohanian pelajar muslim Politeknik Malaysia. Dapatan dalam kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam meningkatkan tahap penghayatan amalan kerohanian. Kualiti institusi kekeluargaan, hubungan persahabatan, pemeraksanaan institusi pendidikan dan kelestarian media massa perlu diperkasakan bagi menjamin kelestarian pembangunan ummah dan negara.

**Kata kunci:** pengaruh agen sosial, amalan kerohanian Islam, pelajar muslim.

**Abstract:** The appreciation of spiritual practices shown the weakness among the Muslim student. Most of them take it easy against implementation in daily life so can cause the identity as a Muslim faded.

This phenomenon causes them to be easily stuck to unhealthy elements that violate religious boundaries. This research aimed to identify the student's level of appreciating spiritual practices. This study also wants to determine the influence of parents, peers, institutions and mass media and their differences based on demographic factors, relations as well as contributions when appreciating spiritual practices. This quantitative descriptive and inferential study uses the survey designs through self-developed questionnaires and is certified by a group of high reliability listening experts with the value of cronbach alpha 0.940 in pilot test. Data were collected from a group of subjects using questionnaires. The randomly stratified sampling method was used to obtain 716 students as samples for this study. The data were analysed using SPSS 20 and AMOS 20 software. The validity of the questionnaire was obtained through exploratory factor analysis test (EFA) and confirmatory factor analysis test (CFA). Comparison of mean, correlation analysis, multiple regression, and Structural Equation Model (SEM) were used to test the research questions. For that one model of the relationship between the research variables was built. The findings showed that the student's level of appreciation of spiritual practices was moderately high. The level of parent's influence is high. Peer influence, institutions and mass media recorded moderate highs. There was a significant difference between genders and study zone, meanwhile there was no significant different due to year of the study, SPM background and boarding during the period of study. The finding also shows a positive and significant relationship between parent's influence, peer, institutions, and mass media with the appreciation of the student's spiritual practice. These findings show that the influence of parents, peers, institutions, and mass media contributes greatly to the appreciation of the spiritual practice of Muslim Malaysian polytechnic students. The findings in this study can be used as a reference in raising the level of appreciation of spiritual practice and curbing negative behavior among students. The quality of family institutions, friendships, empowerment of educational institutions and the preservation of the mass media can have a huge impact on the development of ummah and the nation.

**Keywords:** Influence of social support, appreciation of spiritual practices, muslim student

**Cite This Article:**

Said @ Saidi Muda & Fatmawati Mohamed. 2023. Pengaruh Agen Sosial Terhadap Amalan Kerohanian Islam dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Malaysia [The Influence of Social Support on The Appreciation of Spiritual Practices among Muslim Malaysians Polytechnic Students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(1), 42-69.

## **PENGENALAN**

Amalan kerohanian merupakan satu unsur terpenting yang perlu ditegakkan oleh individu muslim. Ia tergolong dalam tunjang syariat yang merupakan komponen utama selain akidah dan akhlak. Syariat terhasil menerusi pelaksanaan amal ibadat yang dipraktik oleh anggota badan. Perlakuan yang dibuat secara berterusan ini dinamakan sebagai amalan. Amalan ini dapat dilaksanakan setelah lahirnya keimanan. Keimanan yang digarap berterusan membangkitkan naluri insan untuk melakukan amalan secara bersungguh-sungguh (Al-Zindani, 1986).

Amal ibadah yang dilakukan secara berterusan merupakan bukti pengabdian manusia secara total kepada Allah SWT (Al- Maududi, 2006). Ibadah dalam bahasa yang lebih mendalam ialah kemuncak rasa ketundukan dan kepatuhan serta pengabdian diri yang mutlak terhadap Allah (Fathi Yakan,1985).

Setiap muslim perlu memperbaiki dan meningkatkan amal ibadah. Ini kerana manusia adalah hamba yang dicipta untuk mengabdikan diri kepadaNya. Firman Allah SWT yang bermaksud: Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepadaKu (al-Dzaariyat 56)

Dalam kehidupan seharian setiap muslim, terdapat pelbagai bentuk amalan kerohanian yang mesti dilakukan. Tanpa penyempurnaan amalan kerohanian tersebut, kehidupan seseorang tidak memberi apa-apa makna. Ibadat solat, amalan membaca al-Quran, berwirid, zikir, istighfar, ucapan tasbih, doa, syukur dan taat merupakan antara amalan kerohanian yang diperintah oleh Allah Taala untuk dilaksanakan (Ibn. Manzur, 1955; Isa, Sahrin & Ramziah, 2014).

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (2003), subjek Pendidikan Islam merupakan inti pati kepada Falsafah Pendidikan Negara. Ia bertujuan bagi melahirkan individu pelajar yang memiliki perkembangan diri yang menyeluruh dan seimbang (Fathiyah, 2013). Bagi murid-murid Islam, Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran teras (wajib) di peringkat rendah dan menengah.

Penekanan terhadap pembentukan tingkah laku melalui pendidikan kerohanian seharusnya menjadi keutamaan semenjak dari bangku sekolah. Ini kerana ia akan mempengaruhi kehidupan seseorang individu (Nik Aziz & Noraini, 2008). Dalam mewujudkan iklim terhadap pelaksanaan amalan kerohanian, terdapat beberapa agen sosial yang boleh memberi pengaruh.

Fokus kajian menjurus kepada empat agen sosial sahaja, iaitu peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa. Justifikasi pemilihan agen sosial ini kerana ibu bapa dan rakan sebaya adalah orang yang paling rapat dengan responden. Peranan mereka banyak memberi pengaruh. Ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak. Mereka yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak bermula dari peringkat kelahiran sehingga ke peringkat dewasa (Rohner, Ronald & Veneziano, 2001).

Selain ibu bapa, rakan sebaya juga antara faktor penentu dalam mempengaruhi pelaksanaan amalan kerohanian. Dalam proses sosialisasi seseorang pelajar, rakan sebaya adalah individu yang paling memberi peranan. Ia berfungsi sebagai pengganti sekiranya hubungan dengan ibu bapa tegang. Gerak-geri dan tingkahlakunya mudah ditiru dan diikuti.

Selain daripada mengembangkan kebolehan dan kognisi sosial, rakan sebaya juga turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang individu (Norsuhaili, 2010). Tingkahlaku yang biasa dipengaruhi merangkumi cara bercakap, cara berpakaian dan cara belajar.

Institusi pendidikan turut memainkan peranan penting dalam pembudayaan amalan kerohanian. Justifikasi pemilihan institusi kerana ia merupakan kediaman kedua pelajar. Institusi bukan sahaja berfungsi sebagai tempat menyebarkan ilmu pengetahuan tetapi juga berperanan sebagai medan pembentukan masyarakat yang boleh menerima perubahan dan pembaharuan. Di sini pelajar didedahkan dengan peraturan tertentu serta hidup bermasyarakat.

Faktor yang terakhir dalam mempengaruhi amalan kerohanian adalah media massa. Justifikasi pemilihan media massa kerana ia berupaya mencorakkan pemikiran, gaya hidup serta budaya masyarakat. Menurut kajian Rezki et. al (2009), masyarakat moden kini mewarisi kebanyakan ideologi budaya dan penerapan nilai melalui media seperti television dan internet.

## TINJAUAN LITERATUR

Ditinjau dari sudut etimologi perkataan rohani lahir dari perkataan roh di dalam bahasa Arab, yang bermaksud sesuatu yang dihembus oleh Allah ke dalam badan manusia. Dalam Islam, kerohanian merupakan pengakuan tauhid terhadap Allah untuk seseorang itu bergerak serta hidup menurut kehendak dan arahanNya (Nasr, 1987).

Rohani yang sempurna sentiasa dikaitkan dengan aktiviti beragama, individu yang tekun dan perbuatan baik yang dilakukan oleh individu. Segala aspek kehidupan muslim bergantung kepada kerohanian. Ini kerana tujuan penciptaan manusia adalah untuk beribadat kepadaNya (Rulindo et al., 2011). Unsur kerohanian dalam Islam berupaya melahirkan muslim yang baik, mentaati perintah Allah serta menjadi manusia yang berguna kepada masyarakat (Hawwa, 1979).

Al-Ghazali menekankan kepentingan elemen kerohanian yang menggabungkan empat elemen utama iaitu al-ruh, al-qalb, al-aql dan an-nafs. Ia saling berhubungan dalam membentuk kekuatan dalaman dalam diri seseorang individu menerusi penghayatan agama dan pengamalan (Suriani, 2016). Pelaksanaannya perlu disempurnakan secara istiqamah mencakupi perkara akidah, ibadah, akhlak dan syariah bagi menghasilkan kesan positif disamping meningkatkan keimanan (Zulkiple, 2006).

Pelaksanaan amalan kerohanian juga mampu memberi impak yang positif kepada pembentukan sahsiah pelajar juga pencapaian dalam bidang akademik (Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir, 2009). Hasilnya berlaku perubahan sifat dan sikap kesan daripada penghayatan amalan kerohanian yang telah sebat di dalam jiwa malah setiap perbuatan yang dilakukan berdasarkan ketakwaan kepada Allah (Fadhillah, 2008).

Setiap manusia secara fitrahnya dilahirkan suci tanpa dosa. Manusia memerlukan agama dan amalan kerohanian bagi mengawal tingkah laku. Ada berbagai bentuk amalan kerohanian Islam yang perlu dilakukan seperti solat lima waktu, solat sunat, puasa fardu dan sunat, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, Qiamullail serta muhasabah diri.

Al-Ghazali (1993) memberi pandangan dalam kitab beliau '*Ayyuha al-Walad*': Jika berlalu waktu dari seseorang hamba dalam keadaan ia mengerjakan sesuatu yang lain dari tujuan sebenar dijadikan Allah di dunia ini iaitu untuk beribadat kepadaNya, maka layak nanti ia ditimpa dengan penyesalan yang panjang. Dan sesiapa yang mencecah usia empat puluh tahun dalam keadaan amal baiknya tidak dapat mengatasi amal kejahatan, maka hendaklah mempersiapkan diri ke neraka

Kesucian rohani amat ditekankan dalam agama. Ia merupakan penentu moral sosial masyarakat dan penetapan undang-undang. Menurut Wahiduddin Khan (tt), kerohanian merupakan keinginan makhluk untuk berhubung dengan Penciptanya. Perhubungan dengan Pencipta ini dapat diaplikasi melalui amalan ketakwaan dan kebajikan. Amalan yang dilakukan membuktikan tahap perhubungan antara manusia dengan Allah. Semakin banyak amalan yang dilakukan maka semakin dekat hubungan dengan Allah dan demikian sebaliknya. Firman Allah SWT yang bermaksud: Barang siapa yang mengharap pertemuan dengan Allah SWT pada hari akhirat nanti, maka ia hendaklah melakukan amalan soleh serta tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain (al-Kahf :110).

Ketinggian martabat manusia di sisi Allah bukannya terletak kepada pangkat atau harta akan tetapi pada amalannya (Jasmi & Kamarul Azmi, 2002; Basiran et al., 2012). Manusia

dikurniakan Allah SWT dengan anggota dan pancaindera yang berperanan untuk melaksanakan segala perintah-Nya. Setiap penggunaan itu akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak. Perkara ini dinyatakan Allah SWT di dalam firman-Nya yang bermaksud: Pada hari ini Kami tutup mulut mereka, dan berkatalah kepada Kami tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan (Yaa Sin: 65).

Amat penting bagi setiap muslim memastikan rohani sentiasa dalam keadaan tenang dan terbentuk dalam acuan untuk menjadi hamba dan khalifah Allah yang terbaik (An-Nawawi, 2007).

Al-Qardawi (2001) mengatakan, jiwa yang tenang merujuk kepada unsur kerohanian yang memberi kebahagiaan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Kebahagiaan yang melebihi kekayaan wang ringgit itu merupakan kemanisan iman hasil daripada amal soleh yang dilakukan. Islam sebagai suatu cara hidup jelas memperlihatkan objektif agama adalah untuk menyempurnakan kehidupan manusia.

Imam al Ghazali mensyaratkan kanak-kanak mesti dididik sejak lahir oleh wanita yang kuat beragama dan mulia tingkah laku. Ini bagi menjamin kelangsungan pendidikan roh ketuhanan yang sehati dalam jiwa anak-anak. Pelajaran agama, adab sopan, adab makan dan minum di samping membersihkan diri, cara berwuduk dan melaksanakan solat yang betul merupakan elemen yang perlu diperkukuhkan dalam diri setiap anak (Hamid, 1990).

Medium atau saluran tertentu boleh diterapkan ke dalam diri anak-anak. Antaranya melalui saluran ilmu, kemahiran, amali dan pembudayaan ilmu. Ilmu merupakan pintu kepada pembentukan rohani. Al-Ghazali memberi penekanan kepada kepentingan ilmu dan makrifat dalam dua kitabnya yang utama iaitu *Minhajul Abidin* dan *Ihya' Ulumiddin*. Ini kerana dengan ilmu akan menimbulkan rasa takut hamba kepada Penciptanya. Allah SWT berfirman yang bermaksud: Sesungguhnya mereka yang takut kepada Ku dari kalangan hamba-hamba-Ku adalah ulama (ilmuwan) (al-Fatir: 28)

Dengan ilmu seseorang itu dapat mengenali Allah, beribadat serta mengagungkan Nya selain membibitkan ketaatan dan menjauhkan maksiat (al-Ghazali, 1988). Ilmu amat berfungsi sebagai pemangkin di dalam mendidik rohani dan jiwa manusia ke arah kebaikan. Manusia telah dikurniakan kemampuan untuk mengamati dan menilai sesuatu perkara dan peristiwa secara zahir menerusi deria penglihatan.

Anugerah akal pula digunakan untuk menafsir perkara atau peristiwa yang diperhatikan. Ketika itu ilmu berperanan untuk membentuk dan memandu manusia ke arah kebaikan. Ismail al-Faruqi (tt) dalam kajiannya menyatakan bahawa Islam satu-satu agama yang menggunakan semua kekuatan kerohanian untuk melawan penjajahan dan penguasaan Barat. Perkembangan Islam yang pesat dengan elemen kerohanian yang utuh, menjadikan Islam agama yang dimusuhi oleh banyak pihak dan sering terdedah dengan salah faham.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian bertujuan untuk membantu sesebuah kajian itu dilakukan secara berfokus dan sistematik. Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Ia juga

merujuk kepada cara penyelidikan mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian.

Kajian ini berbentuk deskriptif dan inferensi. Kajian ini bertujuan melihat bagaimana agen sosial yang dibincangkan mempengaruhi tahap amalan kerohanian pelajar-pelajar muslim di politeknik. Dalam kajian ini, kajian deskriptif digunakan bagi mengukur tahap amalan kerohanian pelajar muslim politeknik Malaysia serta peranan empat agen sosial.

Menurut Mohd Majid (1990), penyelidikan deskriptif merupakan satu bentuk penyelidikan yang berfokuskan kepada pengumpulan maklumat serta menerangkan perkara yang sedang berlaku. Kajian deskriptif berupaya memberi gambaran atau maklumat mengenai keadaan pada suatu masa tertentu (Wiersma, 1995).

Pendekatan deskriptif ini membolehkan seseorang pengkaji itu menerang dan menghuraikan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Juga mengkaji perkaitan di antara pemboleh ubah serta menentukan kepentingan antara faktor (Mohd Majid, 2000; Sekaran, 2003).

Kaedah ini sesuai digunakan kerana ia bersifat saintifik, logik serta dapat mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah daripada sampel yang ramai (Borg & Gall, 1983). Ia berperanan untuk menghuraikan, membandingkan serta mendeskripsikan pengetahuan, sikap, amalan dan tingkahlaku (Ary, 1985).

Menurut Chua (2006), ciri-ciri kajian deskriptif:

- a. digunakan untuk menyatakan pelbagai jenis soalan, isu dan masalah pada pelbagai perspektif terutamanya sikap, kepercayaan dan pandangan individu
- b. pengendalian yang mudah seperti soal selidik dan temu bual
- c. memungut data dengan cepat dan keputusan analisis diperolehi dalam masa yang cepat
- d. penggunaan saiz sampel yang besar
- e. maklumat terus diperolehi daripada sampel
- f. hasil kajian boleh digeneralisasi kepada populasi

Kajian ini juga berbentuk kajian inferensi. Kajian inferensi digunakan bagi melihat perhubungan antara tahap amalan kerohanian pelajar dengan peranan empat agen sosial tersebut melalui ujian korelasi Pearson, ujian-t dan Ujian ANOVA. Ini bagi menjawab persoalan kajian nombor 2,3,4,5 dan 6.

Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Sulaiman (2002) menyatakan kaedah ini lebih berstruktur, makna yang jelas, bercorak linear serta penjadualan yang terperinci.

Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Dalam penyelidikan kuantitatif pemboleh ubah dalam suatu fenomena di bawah kajian dioperasikan sebelum diukur. Pengukuran data dalam penyelidikan kuantitatif mengutamakan kesahan dan kebolehpercayaan. Ia dilakukan bagi menguji teori, membina fakta dan menyatakan hubungan antara pemboleh ubah dalam fenomena di bawah kajian. Penyelidikan kuantitatif boleh dilakukan melalui kajian deskriptif atau kajian inferensi, (Chua, 2006).

Kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan atau survey. Kajian tinjauan mewakili semua kaedah yang dilakukan untuk mengumpul data secara terus daripada sekumpulan subjek.

Biasanya kajian tinjauan dilakukan dengan cara menemubual subjek kajian atau memberi soal selidik kepada subjek kajian untuk dijawab. Ini bermakna dalam kajian tinjauan, soalan diberi secara lisan atau secara kertas-pensel (Chua, 2006).

Kaedah tinjauan ini dipilih kerana kajian ini melibatkan saiz sampel yang besar. Menurut Dane (1990), saiz sampel kajian tinjauan mungkin seramai 100 orang atau mungkin seramai 250 juta orang. Pengumpulan maklumat melalui tinjauan adalah kaedah terbaik jika sampel ramai. Ini kerana melalui kaedah ini, banyak maklumat dapat diperolehi dengan mudah dalam masa yang singkat (Sidi Gazalba, 1981).

## **DAPATAN DAN ANALISIS**

Kajian ini melibatkan sampel seramai 716 orang. Sebanyak 34 buah politeknik telah beroperasi di seluruh Malaysia dengan bilangan pelajar seramai 96,069 orang. Mengikut data JPP 2015, jumlah pelajar muslim di seluruh politeknik berjumlah seramai 74,865 orang. Sejumlah sampel telah diambil secara rawak bagi mewakili lima zon yang ditetapkan. Zon Utara mewakili Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, Zon Tengah diwakili oleh Perak dan Selangor sementara Zon Selatan diwakili oleh Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Zon Timur diwakili oleh Pahang, Terengganu dan Kelantan, Sabah dan Sarawak pula mewakili Zon Borneo.

Jadual 1 di bawah memperincikan taburan frekuensi dan peratusan demografi sampel pelajar berdasarkan jantina, tahun pengajian, pendidikan semasa SPM, penginapan semasa pengajian dan zon pengajian.

Jadual 1 Frekuensi Pelajar Mengikut Faktor Demografi (n= 716)

<b>Faktor Demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Jantina	Lelaki	397	55.4
	Perempuan	319	44.6
Tahun Pengajian	Satu	120	16.7
	Dua	290	40.5
	Tiga	306	42.8
	SMK	490	68.2
Pendidikan SPM	SMT	151	21.4
	SMS	14	1.9
	SMA	42	5.8
	LLS	19	2.6
Penginapan Semasa Pengajian	Asrama	96	13.4
	Rumah Sewa	509	71.1
	Rumah Sendiri	108	15.1
	Lain-lain	3	0.4
Zon Pengajian	Utara	166	23.2
	Selatan	111	15.5
	Timur	157	21.9
	Barat	117	16.3
	Borneo	165	23.0

Dapatan kajian menunjukkan bilangan pelajar lelaki mendominasi pelajar perempuan dengan jumlah perbezaan yang tidak ketara. Pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 397 mewakili 55.4% dari keseluruhan sampel kajian. Jumlah pelajar perempuan seramai 319 orang, mewakili 44.6 % dari keseluruhan sampel kajian. Perbezaan bilangan ini menjadikan 78 orang atau 10.8 % sampel pelajar lelaki melebihi bilangan sampel pelajar perempuan.

Responden kajian berdasarkan tahun pengajian menunjukkan bilangan responden di tahun 2 dan 3 lebih ramai berbanding pelajar di tahun 1. Responden pelajar tahun 3 adalah seramai 307 orang mewakili 42.9% keseluruhan sampel dan pelajar tahun 2 adalah seramai 289 orang yang mewakili sebanyak 40.4%. Bilangan pelajar terkecil adalah seramai 120 orang atau 16.8% yang mewakili pelajar tahun 1.

Latar belakang pendidikan ketika Sijil Pelajaran Malaysia menunjukkan, 489 atau 68.3% pelajar adalah merupakan lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan. Seramai 154 orang pelajar atau 21.2% merupakan lepasan Sekolah Menengah Teknik. 14 orang pelajar atau 2.0 % terdiri dari lepasan Sekolah Menengah Sains. Pelajar lepasan sekolah menengah agama pula seramai 42 orang atau 5.8%. Lain-lain sekolah mencatatkan bilangan pelajar seramai 19 orang dengan peratusan 2.7 %.

Berdasarkan tempat menginap semasa pengajian, menunjukkan 71.1% atau 509 orang pelajar tinggal di rumah sewa. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menginap di rumah sewa sepanjang tempoh pengajian. Penginapan di asrama berjumlah 13.4 % atau seramai 96 orang sahaja. Bahkan mereka yang menginap di rumah sendiri lebih tinggi dengan peratusan sebanyak 15.1% (108 orang). Lain-lain tempat penginapan menyumbang sebanyak 0.4% atau 3 orang sahaja.

Berdasarkan zon pengajian, peratusan antara Zon Utara dan Zon Borneo mendahului lain-lain zon, masing-masing dengan jumlah 166 orang (23.2%) dan 165 orang (23%). Sementara itu 157 orang (21.9%) mewakili Zon Timur. Selebihnya 117 orang (16.3%) dan 111 orang (15.5%) di wakili Zon Barat dan Zon Selatan.

Proses penganalisan data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 20*. Statistik yang digunakan adalah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Analisis deskriptif ini dihurai dengan menggunakan jadual interpretasi min yang dirumuskan oleh Nunally dan Bernstein (1978) seperti jadual 2.

Jadual 2 Jadual Interpretasi Min

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Shufflebeam 1971



### Tahap Amalan Kerohanian

Tahap amalan kerohanian menjadi persoalan utama kajian. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap amalan kerohanian pelajar. Terdapat 3 aspek utama yang dikaji menerusi amalan kerohanian iaitu aspek amalan solat fardu, tilawah al- Quran dan amalan doa. Jadual 3 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi min amalan kerohanian pelajar berdasarkan set soal selidik yang diisi oleh 716 sampel pelajar.

Jadual 3 Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Bagi Keseluruhan Tahap Amalan Kerohanian Pelajar (N=716)

Item	Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
B1	Saya sentiasa menunaikan solat pada awal waktu	3.40	0.705	Sederhana Tinggi
B2	Saya sentiasa menunaikan solat berjemaah	3.12	0.734	Sederhana Tinggi
B3	Saya memahami maksud bacaan dalam solat	3.17	0.764	Sederhana Tinggi
B4	Saya sentiasa berwirid dan berzikir selepas solat	3.40	0.864	Sederhana Tinggi
B5	Saya sentiasa melazimi solat sunat	3.08	0.793	Sederhana Tinggi
B6	Saya membaca al-Quran setiap hari	2.91	0.816	Sederhana Rendah
B7	Saya membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul	3.35	0.814	Sederhana Tinggi
B8	Saya mengamalkan surah tertentu pada hari-hari tertentu	3.32	0.935	Sederhana Tinggi
B9	Saya sentiasa berdoa setiap kali selepas solat	4.49	0.662	Tinggi
B10	Ketika solat berjemaah, saya sentiasa mengaminkan doa bersama imam	4.49	0.682	Tinggi
B11	Doa amat penting dalam kehidupan saya	4.68	0.558	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.58</b>	<b>0.445</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Dapatan jadual 4.3 menunjukkan purata tahap amalan kerohanian pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.58, S.P = 0.44). Secara keseluruhannya min yang tertinggi adalah pada instrumen “Doa amat penting dalam kehidupan saya dengan nilai min = 4.68, S.P = 0.55, manakala nilai min terendah adalah instrumen “Saya membaca al-Quran setiap hari” dengan nilai min = 2.91, S.P = 0.81.

Menyentuh aspek solat nilai min terendah direkodkan pada instrumen “saya sentiasa melazimi solat sunat” dengan nilai min = 3.08, S.P = 0.79. Manakala nilai min tertinggi adalah pada instrumen “saya sentiasa menunaikan solat pada awal waktu” dengan nilai min = 3.40, S.P = 0.70.

### Peranan Ibu bapa

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pelajar supaya menyempurnakan penghayatan amalan kerohanian. Jadual 4.4 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan min interpretasi peranan ibu bapa dalam mempengaruhi anak-anak dalam menyempurnakan penghayatan amalan kerohanian.

Jadual 4 Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Bagi Keseluruhan Peranan ibu bapa (N=716)

Item	Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1	Ibu bapa sentiasa mengambil berat tentang amalan solat fardu saya	4.53	0.726	Tinggi
C2	Ibu bapa sentiasa mengingatkan saya untuk melakukan solat fardu	4.60	0.670	Tinggi
C3	Ibu bapa saya sentiasa menjaga solat lima waktu	4.53	0.756	Tinggi
C4	Ibu bapa sentiasa mendoakan kejayaan saya	4.81	0.455	Tinggi
C5	Ibu bapa sentiasa mengharapkan saya menjadi anak yang soleh	4.77	0.495	Tinggi
C6	Ibu bapa mengajak saya menunaikan solat fardu secara berjemaah	3.90	0.915	Sederhana Tinggi
C7	Ibu bapa sentiasa mengambil berat tentang amalan tilawah Al-Quran saya	3.85	0.860	Sederhana Tinggi
C8	Ibu bapa sering mengajak saya ke majlis ilmu	3.91	0.898	Sederhana Tinggi
C9	Ibu bapa sentiasa memberi teguran dan nasihat kepada saya agar menjaga hubungan dengan Allah	4.51	0.684	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.37</b>	<b>0.538</b>	<b>Tinggi</b>

Dapatan Jadual 4.4 menunjukkan ibu bapa memainkan peranan yang penting dengan nilai min keseluruhan berada tahap yang tinggi (Min = 4.37, S.P = 0.53). Min tertinggi dicatatkan pada instrumen “ibu bapa sentiasa mendoakan kesejahteraan saya” dengan nilai min = 4.81, S.P = 0.45.

Ini menunjukkan doa ibu bapa sentiasa diharapkan oleh anak demi kejayaan mereka di masa depan. Adapun nilai min terendah dicatatkan pada instrumen “ibu bapa sentiasa mengambil berat tentang amalan tilawah al-Quran saya” dengan nilai min 3.85, S.P = 0.86. Ini menunjukkan ibu bapa kurang menitikberatkan amalan tilawah al-Quran terhadap anak mereka.

## Peranan Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan faktor yang banyak mempengaruhi karakter seseorang pelajar termasuk dalam soal penghayatan amalan kerohanian. Ini kerana kawan yang baik akan sentiasa mendorong untuk melakukan kebaikan dan sebaliknya. Jadual 4.5 memaparkan peranan rakan sebaya terhadap tahap amalan kerohanian pelajar.

Jadual 5 Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Bagi Keseluruhan Peranan rakan sebaya (N=716)

Ite m	Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
D1	Rakan Membantu Menggalakkan Amalan Kerohanian	3.91	0.794	Sederhana Tinggi
D2	Rakan Mengajak Solat Berjemaah	3.53	0.903	Sederhana Tinggi
D3	Rakan Mengajak Membaca Al-Qur'an Secara Kumpulan	2.97	0.856	Sederhana Rendah
D4	Rakan Memperdengarkan Tilawah Al-Qur'an Melalui Tape dan Cd	3.08	0.944	Sederhana Tinggi
D5	Rakan Mengajak Memahami Isi Kandungan Al-Qur'an	2.94	0.917	Sederhana Rendah
D6	Rakan Mengingatkan agar Tidak Cuai Perintah Allah	3.81	0.953	Sederhana Tinggi
D7	Rakan Mengajak Ke Majlis Ilmu	3.51	0.942	Sederhana Tinggi
D8	Rakan Berbicara Tentang Amalan Kerohanian	3.61	0.929	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.42</b>	<b>0.702</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Dapatan menunjukkan keseluruhan min pengaruh rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.42, S.P = 0.58. Nilai min tertinggi direkodkan pada instrumen “rakan membantu menggalakkan amalan kerohanian dengan nilai min = 3.91, S.P = 0.79.

Ini jelas menunjukkan peranan kawan tidak kurang penting dalam merangsang tahap amalan kerohanian. Manakala nilai min terendah direkodkan pada instrumen “Rakan mengajak memahami isi kandungan al-Quran” dengan nilai min = 2.94, S.P = 0.91. Ini menunjukkan pembudayaan al-Quran sesama rakan sebaya masih lagi rendah.

## Peranan Institusi

Jadual 6 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan min interpretasi peranan institusi dalam mempengaruhi pelajar untuk menyempurnakan penghayatan amalan kerohanian.

Jadual 6 Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Bagi Keseluruhan Peranan Institusi (N=716)

Ite m	Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
F1	Suasana Institusi Merangsang Saya Untuk Melaksanakan Amalan Solat Fardu	3.86	0.833	Sederhana Tinggi
F2	Suasana Institusi Menggalakkan Saya Untuk Melaksanakan Solat Berjemaah	3.78	0.847	Sederhana Tinggi
F3	Suasana Institusi Merangsang Saya Untuk Melazimi Tilawah Al-Quran	3.40	0.816	Sederhana Tinggi
F4	Suasana Institusi Membudayakan Amalan Berdoa	3.85	0.870	Sederhana Tinggi
F5	Suasana Institusi Membentuk Saya Untuk Melaksanakan Amalan Kerohanian	3.88	0.730	Sederhana Tinggi
F6	Institusi Sentiasa Mengadakan Program Kerohanian	3.91	0.765	Sederhana Rendah
F7	Institusi Sentiasa Menyediakan Kemudahan Untuk Aktiviti Kerohanian	3.91	0.761	Sederhana Tinggi
F8	Institusi Sentiasa Memantau Aktiviti Kerohanian Pelajar	3.66	0.847	Sederhana Tinggi
F9	Institusi Sentiasa Membentuk Pelajarnya Menjadi Insan Bertakwa	3.92	0.813	Sederhana Tinggi
F10	Pihak Institusi Mengambil Tindakan Terhadap Mereka Yang Mengabai Tanggungjawab Agama	3.50	0.942	Sederhana Tinggi
F11	Pihak Institusi Memberi Sokongan Yang Padu Terhadap Aktiviti Kerohanian Islam	3.96	0.775	Sederhana Tinggi
F12	Institusi Sentiasa Mengimbangi Antara Tuntutan Duniawi Dengan Ukhrawi	3.85	0.817	Sederhana Tinggi
F13	Institusi Menyediakan Bajet Yang Mencukupi Untuk Aktiviti Kerohanian	3.72	0.819	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.78</b>	<b>0.582</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Dapatan kajian menunjukkan peranan institusi terhadap tahap amalan kerohanian pelajar. Dapatan menunjukkan keseluruhan min pengaruh institusi berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.78, S.P = 0.70.

Nilai min tertinggi direkodkan pada instrumen “pihak institusi memberi sokongan yang padu terhadap aktiviti kerohanian Islam” dengan nilai min = 3.96, S.P = 0.77. Nilai min terendah direkodkan pada instrumen “suasana institusi merangsang saya untuk melazimi tilawah al-Quran” dengan nilai min = 3.40, S.P = 0.81. Ini menunjukkan pembudayaan al-Quran oleh institusi perlu ditingkatkan lagi.

**Peranan Media Massa**

Jadual 7 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan min interpretasi peranan media massa dalam mempengaruhi pelajar untuk menyempurnakan amalan kerohanian.

Jadual 4.7 Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Min Bagi Keseluruhan Peranan Media Massa (N=716)

Item	Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
G1	media massa membantu meningkatkan kesedaran saya untuk melazimi tilawah al-Quran	3.68	0.835	Sederhana Tinggi
G2	media massa membantu meningkatkan kesedaran saya untuk melaksanakan amalan solat fardu	3.74	0.889	Sederhana Tinggi
G3	media massa menyediakan program kerohanian yang mencukupi	3.60	0.880	Sederhana Tinggi
G4	media massa membantu meningkatkan kesedaran saya melazimi amalan doa	3.83	0.849	Sederhana Tinggi
G5	media massa berperanan membentuk generasi yang bertakwa	3.66	0.918	Sederhana Tinggi
G6	saya berpuas hati dengan penglibatan media massa kini dalam menggalakkan program kerohanian	3.60	0.940	Sederhana Rendah
G7	media massa sentiasa menggalakkan ke arah pembudayaan ilmu	3.73	0.816	Sederhana Tinggi
G8	media massa menekankan penghayatan amalan doa	3.69	0.882	Sederhana Tinggi
G9	media massa merangsang kepada pembudayaan al-Quran	3.65	0.869	Sederhana Tinggi
G10	program kerohanian yang disiarkan media massa menarik minat saya	3.82	0.836	Sederhana Tinggi
G11	media massa sentiasa mendorong kepada penghayatan amalan kerohanian	3.64	0.853	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.69</b>	<b>0.675</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Analisis data menunjukkan keseluruhan min peranan media massa berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.69, S.P = 0.67. Nilai min tertinggi direkodkan pada instrumen “media massa membantu meningkatkan kesedaran saya melazimi amalan doa” dengan nilai min = 3.83, S.P = 0.84.

Ini menunjukkan media massa memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan kepada tahap amalan kerohanian seseorang pelajar. Nilai min terendah direkodkan

pada instrumen “media massa menyediakan program kerohanian yang mencukupi” dengan nilai min = 3.60, S.P = 0.88 dan “saya berpuas hati dengan penglibatan media massa kini dalam menggalakkan program kerohanian” dengan nilai min= 3.60, S.P = 9.94.

Kajian ini juga ingin melihat perbandingan dalam penghayatan amalan kerohanian berdasarkan faktor demografi responden yang terdiri dari jantina, tahun pengajian, pendidikan ketika SPM, penginapan semasa pengajian dan zon pengajian.

Jadual 8 Perbezaan Tahap Amalan Kerohanian Berdasarkan Jantina

	Min		df	Min	t	Sig
	Lelaki (n= 397)	Perempuan (n= 319)				
Amalan Kerohanian	3.51 (S.P : 0.45)	3.66 (S.P : 0.41)	714	-1.14491	-4.538	0.00

Dalam jadual 8 di atas, berdasar perbandingan min antara jantina, ujian T menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan amalan kerohanian,  $t(714) = -4.53$ ,  $p < 0.05$ ) dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina. Hasil dapatan menunjukkan pelajar perempuan menunjukkan prestasi amalan kerohanian mereka lebih baik berbanding lelaki.

Jadual 9: Perbezaan Tahap Amalan Kerohanian Antara Tahun Pengajian, Pendidikan SPM, Penginapan Semasa Pengajian dan Zon Pengajian

Pembolehubah	Sum of Squares	df	mean square	F	Sig
Tahun pengajian	Antara Kumpulan	2	0.331	1.674	.188
	Dalam kumpulan	713	0.198		
	Jumlah	715			
Pendidikan SPM	Antara Kumpulan	4	0.230	1.159	.328
	Dalam Kumpulan	711	0.198		
	Jumlah	715			
Penginapan Semasa Pengajian	Antara Kumpulan	3	0.306	1.549	.201
	Dalam Kumpulan	712	0.198		
	Jumlah	715			
	Antara Kumpulan	4	0.969	4.996	.001

Zon Pengajian	Dalam	711	0.194
	Kumpulan		
	Jumlah	715	

Perbandingan antara tahun pengajian, pendidikan ketika SPM, penginapan semasa pengajian dan zon pengajian diuji menggunakan ujian Anova. Berdasarkan jadual 4.9, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahun pengajian di mana nilai  $f$  ( $df = 2,716, p > .05$ ) = 1.33 adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan tahun pengajian bukan merupakan faktor penyebab kepada penghayatan amalan kerohanian. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tahun pengajian dimana nilai  $f$  ( $df= 4,714, p > .05$ ) = 1.48 adalah tidak signifikan. Ini juga menjelaskan bahawa latar belakang pengajian ketika SPM bukan merupakan faktor penentu kepada prestasi amalan kerohanian pelajar. Sungguhpun begitu dalam kajian ini ia tidak boleh membanding beza dengan pelajar yang berlatar belakang Sekolah Menengah Agama di sebabkan ianya mewakili 5.8% sahaja (42 orang). Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pelajar dalam penghayatan amalan kerohanian berdasarkan tempat penginapan. Ini menunjukkan tempat penginapan tidak mempengaruhi tahap amalan kerohanian pelajar. Walau bagaimana pun, mereka yang tinggal di asrama lebih berdisiplin di sebabkan pemantauan dan peraturan asrama. Dapatan kajian menunjukkan nilai  $f$  ( $df =3,715, p > .05$ ) = 1.96 adalah tidak signifikan. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam penghayatan amalan kerohanian berdasarkan zon pengajian dengan nilai  $f$  ( $df = 4,714, p < .05$ ) = 6.26 adalah signifikan. Ini bererti prestasi penghayatan amalan kerohanian berbeza antara zon di mana zon Barat, Timur dan Utara memperlihatkan penghayatan amalan kerohanian yang lebih baik berbanding zon Selatan dan Borneo.

### ***Korelasi***

Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menunjukkan perhubungan (nilai pekali korelasi) antara -1 dan +1. Tanda positif menunjukkan perhubungan yang positif demikian juga tanda negatif menunjukkan perhubungan yang negatif. Misalnya bacaan  $r=.85$  menunjukkan perhubungan yang positif yang kuat antara kedua-dua variable berkaitan. Bacaan  $r = -.20$  menunjukkan perhubungan negatif yang sangat lemah. Jadual 4.10 menunjukkan kekuatan korelasi antara variable.

Jadual 10 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Kolerasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -.1.00	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

Sumber Chua Yan Piaw (2014)

### Hubungan Antara Peranan Ibu bapa Dengan Amalan Kerohanian Pelajar

Hubungan antara peranan ibu bapa dengan amalan kerohanian merupakan antara variabel penting di dalam kajian ini. Dapatan kajian ini akan menentukan kewujudan hubungan, bentuk hubungan dan darjah kekuatan hubungan antara peranan ibu bapa dan amalan kerohanian.

Jadual 11 Korelasi Antara Pengaruh Ibu Bapa Dengan Amalan Kerohanian Pelajar (N=716)

	r	P
Pengaruh Ibu bapa Amalan Kerohanian	.472**	.000

Nota \*\*. Signifikan pada aras keyakinan  $P < 0.01$  (2 hujung)

Berdasarkan jadual 4.11, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara peranan ibu bapa dengan amalan kerohanian pelajar ( $r=.47$ ,  $p < 0.05$ ) pada aras signifikan 0.01. Dengan itu hipotesis nul yang dibina berjaya ditolak. Berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara peranan ibu bapa dengan amalan kerohanian. Bentuk hubungan yang terhasil antara kedua-dua konstruk ini adalah positif iaitu berkadar terus.

Meskipun wujud hubungan yang positif namun kekuatan hubungan antara peranan ibu bapa dengan amalan kerohanian pelajar adalah lemah. Ini kerana pekali korelasi antara kedua variable tersebut adalah  $r=0.47$ . Nilai ini berada antara julat 0.31 hingga 0.50 dan nilai ini mengikut Chua (2014) adalah lemah.

### Hubungan Antara Peranan Rakan Sebaya dengan Amalan Kerohanian Pelajar

Hubungan antara peranan rakan sebaya dengan amalan kerohanian merupakan antara variable yang penting di dalam kajian ini. Kajian ini untuk menentukan kewujudan hubungan, bentuk hubungan, darjah kekuatan hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan amalan kerohanian.

Jadual 4.12 Korelasi Antara Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Amalan Kerohanian Pelajar (N=716)

	r	p
Pengaruh Rakan Sebaya Amalan Kerohanian	.429**	.000

Nota \*\*. Signifikan pada aras keyakinan  $P < 0.01$  (2 hujung)

Dapatan kajian dalam jadual 12 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara peranan rakan sebaya dengan amalan kerohanian pelajar ( $r=.43$ ,  $p < 0.05$ ) pada aras signifikan 0.01. Dengan itu hipotesis nul yang dibina berjaya ditolak. Berdasarkan kepada keputusan



analisis ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara peranan rakan sebaya dengan amalan kerohanian.

Dapatan hubungan ini menunjukkan peranan rakan sebaya ada hubungkait dan mempengaruhi tahap amalan kerohanian pelajar. Bentuk hubungan yang terhasil antara kedua-dua konstruk ini adalah positif iaitu berkadar terus. Bentuk hubungan begini menunjukkan jika rakan sebaya memainkan peranannya sebaik mungkin maka kesan amalan kerohanian pelajar juga bertambah tinggi dan baik dan demikianlah sebaliknya.

Meskipun wujud hubungan yang positif namun kekuatan hubungan antara peranan rakan sebaya dengan amalan kerohanian pelajar adalah lemah. Ini kerana pekali korelasi antara kedua variable tersebut adalah  $r=0.47$ . Nilai ini berada antara julat 0.31 hingga 0.50 dan nilai ini mengikut Chua (2014) adalah lemah.

### **Hubungan Antara Peranan Institusi dengan Amalan Kerohanian Pelajar**

Hubungan antara peranan institusi dengan amalan kerohanian merupakan antara variable yang penting di dalam kajian ini. Kajian ini untuk menentukan kewujudan hubungan, bentuk hubungan, darjah kekuatan hubungan antara peranan institusi dan amalan kerohanian seseorang pelajar.

Jadual 13 Korelasi Antara Pengaruh Institusi Dengan Amalan Kerohanian Pelajar (N=716)

	r	p
Pengaruh Institusi	.391**	.000
Amalan Kerohanian		

Nota \*\*. Signifikan pada aras keyakinan  $P < 0.01$  (2 hujung)

Dapatan kajian dalam jadual 4.13 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara peranan institusi dengan amalan kerohanian pelajar ( $r = .39$ ,  $p < 0.05$ ) pada aras signifikan 0.01. Dengan itu, hipotesis nul yang dibina berjaya ditolak.

Berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara peranan institusi dengan amalan kerohanian. Wujudnya hubungan ini menunjukkan peranan institusi ada hubungkait dan mempengaruhi amalan kerohanian pelajar. Bentuk hubungan yang terhasil antara kedua-dua konstruk ini adalah positif iaitu berkadar terus.

Meskipun wujud hubungan yang positif namun kekuatan hubungan antara peranan institusi dengan amalan kerohanian pelajar adalah lemah. Ini kerana pekali korelasi antara kedua variable tersebut adalah  $r=0.39$ . Nilai ini berada antara julat 0.31 hingga 0.50 dan nilai ini mengikut Chua (2014) adalah lemah.

### **Hubungan Antara Peranan Media Massa dengan Amalan Kerohanian Pelajar**

Hubungan antara peranan media massa dengan amalan kerohanian merupakan antara variable yang penting di dalam kajian ini. Kajian ini untuk menentukan kewujudan hubungan, bentuk

hubungan, darjah kekuatan hubungan antara peranan institusi dan amalan kerohanian seseorang pelajar.

Jadual 4.14 Korelasi Antara Pengaruh Media Massa Dengan Amalan Kerohanian Pelajar (N=716)

	r	p
Pengaruh Media Massa	.352**	.000
Amalan Kerohanian		

Nota \*\*. Signifikan pada aras keyakinan  $P < 0.01$  (2 hujung)

Dapatan kajian dalam jadual 4.14 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media massa dengan amalan kerohanian pelajar ( $r=.35$ ,  $p < 0.05$ ) pada aras signifikan 0.01. Dengan itu hipotesis nul yang dibina berjaya ditolak.

Berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara peranan media massa dengan amalan kerohanian. Wujudnya hubungan ini menunjukkan peranan media massa ada hubungkait dan mempengaruhi tahap amalan kerohanian pelajar.

Bentuk hubungan yang terhasil antara kedua-dua konstruk ini adalah positif iaitu berkadar terus. Bentuk hubungan begini menunjukkan jika media massa memainkan peranannya secara berkesan dan menyeluruh maka impak amalan kerohanian pelajar juga bertambah tinggi dan baik demikianlah sebaliknya.

Meskipun wujud hubungan yang positif namun kekuatan hubungan antara peranan media massa dengan amalan kerohanian pelajar adalah lemah. Ini kerana pekali korelasi antara kedua variable tersebut adalah  $r = 0.35$ . Nilai ini berada antara julat 0.31 hingga 0.50 dan nilai ini mengikut Chua (2014) adalah lemah.

Mengenal pasti dan menentukan nilai sumbangan peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa sebagai variable bebas kepada tahap amalan kerohanian sebagai variable bersandar adalah antara keutamaan kajian ini. Analisis regresi pelbagai telah digunakan ekoran keupayaannya meramal dan mengenal pasti sumbangan beberapa variabel peramal (*predictor*) terhadap variabel kriterian (*criterion*).

Prosedur regresi pelbagai yang digunakan adalah prosedur penyelesaian stepwise. Ia merupakan variasi prosedur penyelesaian ke hadapan (*forward solution*). Bezanya selepas setiap pemilihan variabel peramal, ujian signifikan kedua akan dilakukan bagi menentukan sumbangan setiap variabel peramal yang dimasukkan ke dalam model regresi. Menurut Diekhoff (1992), regresi pelbagai stepwise memiliki kelebihan berbanding dengan regresi pelbagai yang lain kerana ianya lebih ekonomi.

Melalui prosedur regresi pelbagai ini, hanya variabel peramal yang signifikan sahaja di masukkan ke dalam regresi. Kelebihan kedua pula, regresi pelbagai *stepwise* dapat mengelakkan masalah *multi collinearity* akibat korelasi kuat antara variabel peramal. Masalah ini dapat di atasi melalui regrasi pelbagai *stepwise* kerana variabel yang berkolerasi terlalu kuat ( $r > .90$ ) tidak akan di masukkan ke dalam regresi (Chua, 2014).

Jadual 15: Korelasi Peranan Ibu bapa, Rakan Sebaya, Institusi dan Media Massa Terhadap Tahap Amalan Kerohanian Pelajar

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.483 <sup>a</sup>	.234	.233	.40054
2	.588 <sup>b</sup>	.346	.344	.37027
3	.614 <sup>c</sup>	.377	.374	.36170
4	.622 <sup>d</sup>	.387	.384	.35897

Predictors: (Constant), ibubapaa

Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebaya

Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebaya, mediamassac

Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebaya, mediamassa, institusid

Dependent Variable: rohanie

Jadual 15 menunjukkan ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan institusi menjadi penyumbang utama variabel kriterion, iaitu amalan kerohanian. Jadual menunjukkan nilai “R” korelasi antara kesemua variabel peramal dengan variabel Kriterion adalah 0.622. Nilai ini menunjukkan korelasi yang sederhana antara variabel peramal dan variabel kriterion (Chua,2014).

Meskipun sederhana, namun  $R^2$  (R Square) menunjukkan kombinasi semua variabel peramal tersebut telah dapat menerangkan sebanyak 38.4% daripada varian penghayatan amalan kerohanian. Sumbangan pengetahuan sebanyak 38.4% merupakan satu angka yang besar bagi menggambarkan kepentingan peranan ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan institusi terhadap peningkatan dalam tahap amalan kerohanian.

Jadual 4.15 juga memaparkan ibu bapa merupakan penyumbang terbesar ke arah perubahan varian dalam tahap amalan kerohanian pelajar kerana telah menyumbang sebanyak 23.4 %. Rakan sebaya telah menyumbang ke arah perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian pelajar sebanyak 11.1 % ( $R^2 = .346 - .234$ ).

Media massa menyumbang ke arah perubahan varian dalam skor tahap amalan kerohanian pelajar sebanyak 3.1 % ( $R^2 = .377 - .346$ ). Institusi telah menyumbang ke arah perubahan varian dalam skor tahap amalan kerohanian sebanyak 1% ( $R^2 = .387 - .377$ ).

Jadual 16: Kesignifikan Variabel Peramal ANOVA

Model	Sum of Squares	DF	Mean Square	F	Sig
Regression	35.070	1	35.070	218.602	.000 <sup>b</sup>
Residual	115.029	717	.160		
Total	150.099	718			
2 Regression	51.935	2	25.968	189.407	.000 <sup>c</sup>
Residual	98.164	716	.137		
Total	150.099	718			
3 Regression	55.558	3	18.853	144.106	.000 <sup>d</sup>
Residual	93.541	715	.131		
Total	150.099	718			
4 Regression	58.091	4	14.523	112.700	.000 <sup>e</sup>
Residual	92.008	714	.129		
Total	150.099	718			

- a. Predictors: (Constant), ibubapa
- b. Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebayanya
- c. Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebayanya, mediamassa
- d. Predictors: (Constant), ibubapa, rakansebayanya, mediamassa, institusi
- e. Dependent Variable: rohani

Jadual 4.16 menunjukkan regresi ini adalah signifikan dengan  $F(4,714) = 112.70$ ,  $P < 0.05$ . Justeru secara keseluruhannya, kesemua variabel peramal memberikan sumbangan yang signifikan dan positif terhadap variabel kriterian. Keputusan analisis jadual 4.21 pula menunjukkan bahawa secara signifikan peranan ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan peranan institusi merupakan faktor kepada tahap amalan kerohanian pelajar. Ibu bapa ( $\beta = .35$ ,  $p < .05$ ), rakan sebaya ( $\beta = .23$ ,  $p < .05$ ), media massa ( $\beta = .16$ ,  $p < .05$ ) dan institusi ( $\beta = .13$ ,  $p < .05$ ).

Secara signifikan, dapatan menunjukkan ibu bapa ( $\beta = .48$ ,  $P < .05$ ) (rujuk coefficient model 1 nilai beta) menyumbang sebanyak 23.4 peratus ( $R^2 = 0.234$ ) perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian pelajar [ $F(1,717) = 218.60$ ,  $P < 0.5$ ].

Kombinasi kedua-dua peramal iaitu ibu bapa ( $\beta = 0.40$ ,  $p < 0.05$ ) dan rakan sebaya ( $\beta = 0.34$ ,  $p < 0.05$ ) menyumbang sebanyak 34.6 peratus ( $R^2 = .346$ ) (Jadual 4.19 model summary 2) perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian [ $F(2,716) = 189.40$ ,  $P < 0.5$ ]. Ini menunjukkan rakan sebaya memberi sumbangan ke arah perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian sebanyak 11.2 peratus ( $R^2 = .346 - 23.4$ ).

Kombinasi ketiga-tiga peramal iaitu ibu bapa ( $\beta = 0.36$ ,  $p < 0.05$ ), rakan sebaya ( $\beta = 0.28$ ,  $p < 0.05$ ) dan media massa ( $\beta = 0.19$ ,  $p < 0.05$ ) menyumbang sebanyak 37.7 peratus ( $R^2 = .377$ ) perubahan dalam varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian [ $F(3,715) = 144.10$ ] media massa telah menambah sumbangan ke arah perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian sebanyak 3.1 peratus ( $R^2 = .377 - .346$ ).

Kombinasi keempat peramal iaitu ibu bapa ( $\beta = 0.34$ ,  $p < 0.05$ ), rakan sebaya ( $\beta = 0.22$ ,  $p < 0.05$ ), media massa ( $\beta = 0.16$ ,  $p < 0.05$ ) dan institusi ( $\beta = 0.13$ ,  $p < 0.05$ ) menyumbang

sebanyak 38.7 peratus ( $R^2 = .387$ ) perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian [ $F(4,714) = 112.70$ ]. Ini menunjukkan institusi telah menambah sumbangan ke arah perubahan varian dalam skor penghayatan amalan kerohanian sebanyak 1.0 peratus ( $R^2 = .387 - .377$ ).

Jadual 4.17 Pekali Korelasi dan Signifikan Untuk Setiap Variabel Peramal Cooffecient

Model	<u>Unstardized</u>		<u>Standized Cooffecient</u>		
	<u>Cooffecient</u> B	Standard Error	Beta	T	Sig.
1 Constant	1.826	.199		15.295	.000
Ibu bapa	.401	.027	.483	14.785	.000
2 Constant	1.369	.188		11.617	.000
Ibu bapa	.331	.026	.399	12.822	.000
Rakan sebaya	.223	.020	.346	11.091	.000
3 Constant	1.177	.120		9.852	.000
Ibu bapa	.297	.026	.358	11.468	.000
Rakan Sebaya	.180	.021	.280	8.627	.000
Media massa	.132	.022	.195	5.945	.000
4 Constant	1.049	.124		8.432	.000
Ibu bapa	.287	.026	.346	11.113	.000
Rakan sebaya	.146	.023	.226	6.343	.000
Media massa	.109	.023	.162	4.768	.000
Institusi	.098	.028	.127	3.449	.001

a. Dependent Variable: rohani

Berdasarkan keputusan analisis (Jadual 4.17), kesemua variabel peramal telah memberi kesan yang positif dan signifikan terhadap variabel kriterion. Nilai Beta untuk ibu bapa menunjukkan bahawa setiap peningkatan sebanyak satu unit dalam variabel akan meningkatkan sebanyak 0.29 sisihan piawai dalam penghayatan amalan kerohanian. Nilai beta untuk rakan sebaya menunjukkan setiap peningkatan sebanyak satu unit dalam variabel rakan sebaya akan meningkatkan 0.14 sisihan piawai dalam penghayatan amalan kerohanian.

Nilai Beta untuk media massa menunjukkan, setiap peningkatan sebanyak satu unit dalam variabel media massa akan meningkatkan sebanyak 0.11 sisihan piawai dalam tahap amalan kerohanian. Nilai Beta untuk institusi menunjukkan bahawa setiap peningkatan sebanyak satu unit dalam variabel institusi akan meningkatkan sebanyak 0.10 sisihan piawai dalam tahap amalan kerohanian. Keseluruhan persamaan yang meramalkan sumbangan ibu bapa, rakan sebaya, media massa dan institusi kepada penghayatan amalan kerohanian adalah:

$$\text{Amalan kerohanian} = 1.05 + 0.28 \text{ ibu bapa} + 0.14 \text{ rakan sebaya} + 0.11 \text{ media massa} + 0.10 \text{ institusi}$$

Dapatan menunjukkan ibubapa adalah variabel peramal yang mempunyai kesan positif yang paling tinggi ke atas tahap amalan kerohanian. Rakan sebaya merupakan peramal yang mempunyai kesan positif yang kedua tinggi ke atas tahap amalan kerohanian pelajar. Media massa merupakan peramal yang mempunyai kesan positif yang ketiga tinggi ke atas tahap amalan kerohanian pelajar.


Manakala Institusi merupakan peramal yang mempunyai kesan positif yang keempat tinggi ke atas tahap amalan kerohanian pelajar. Ini menunjukkan tahap amalan kerohanian pelajar boleh ditingkatkan melalui peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi pengajian dan media massa.

Dalam penentuan Model Persamaan Berstruktur, faktor muatan (*loading factor*) setiap konstruk menunjukkan bacaan melebihi 0.6 dengan konstruk ibu bapa memiliki 5 item (C1 = .71, C6 = .76, C7 = .75, C8 = .77 dan C9 = .70). Konstruk rakan sebaya juga memiliki faktor muatan 0.6 dengan (D1 = .70, D2 = .73, D3 = .69, D6 = .77, D7 = .76 dan D8 = .78).

Konstruk institusi menunjukkan faktor yang sama, akan tetapi terdapat satu item yang mengandungi faktor yang agak rendah iaitu F4 dengan bacaan .58. Akan tetapi bacaan seumpama ini masih boleh diterima kerana item ini baharu dibangunkan (Zainudin Awang, 2015) item lain menunjukkan bacaan yang melebihi 0.6 dengan (F6 = .68, F7 = .69, F8 = .80, F9 = .76, F10 = .78). Konstruk media menunjukkan faktor muatan berikut; (G3 = .74, G4 = .68, G5 = .73, G6 = .78, G7 = .76, G10 = .77 dan G11 = .84).

Bagi konstruk amalan kerohanian ianya diukur menerusi tiga sub konstruk iaitu solat, tilawah dan doa. Solat terbentuk dari lima item (B1 = .70, B2 = .60, B3 = .60, B4 = .68 dan B5 = .69). Sementara itu tilawah terdiri dari 3 item iaitu (B6 = .75, B7 = .52 dan B8 = .50) dan doa terbina dari 2 item iaitu (B9 = .77 dan B10 = .49). Meskipun faktor muatan B7, B8 dan B10 bawah 0.6, ia masih diterima kerana ia merupakan item yang baharu dibangunkan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.


Dari segi indeks kesepadanan (*fitness indexes*), tiga piawaian utama yang dijadikan ukuran iaitu kesepadanan tetap (*absolute*), kesepadanan peningkatan (*incremental*) dan kesepadanan pengubahsuaian (*parsimonious*). Tetap diwakili oleh RMSEA (Root Mean Square of Error Approximation) dengan bacaan  $< 0.08$ . Peningkatan diwakili oleh CFI (Comparative Fit Index) dengan bacaan  $> 0.90$  dan Chisq  $< 3.0$ . Dalam model amalan kerohanian ini, nilai RMSEA adalah .052, nilai CFI ialah .908 dan Chi sq adalah 2.925. Kesemuanya menepati piawaian yang ditetapkan.



Rajah 6: The Standardized Path Coefficient of the Model

Rajah 4.6 menunjukkan secara grafik model persamaan berstruktur bagi penentuan sumbangan. Nilai  $R^2$  bagi keseluruhan model adalah 0.44 yang dilihat pada konstruk terikat (*endogenous*). Ia bermaksud 44% konstruk kerohanian di sumbangkan oleh konstruk bebas (*exogenous*) yang terdiri pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa.

Dalam masa yang sama indeks kesepadan (*fitness indexes*) dan faktor muatan (*loading factors*) bagi semua item adalah baik, iaitu melebihi 0.6 sebagaimana diperlukan. 28% pengaruh media massa boleh diukur melalui pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan institusi.



Rajah 7: The Regression Path Coefficient of The Model

Rajah 4.7 menunjukkan secara grafik model persamaan berstruktur yang menunjukkan nilai beta bagi variabel bebas (exogenous), yang memberi kesan kepada konstruk terikat (endogenous). Anak panah bagi yang keluar dari konstruk bebas memberi impak kepada konstruk terikat.

Jadual 4.19 dan 4.20 di bawah menunjukkan nilai perhubungan antara konstruk dan tahap kesignifikan antara konstruk. Kesemua konstruk adalah berkait dan saling berhubungan antara satu sama lain meskipun tahap perhubungan adalah rendah. Terdapat satu konstruk yang tidak signifikan, iaitu yang melibatkan kesan peranan institusi terhadap amalan kerohanian.

Jadual 19 Regression Path dan Signifikan Hubungan Langsung Antara Variabel pada nilai Signifikan 0.001

Konstruk	Konstruk	Estimate	S.E.	C.R	P	Keputusan
Media	< - - - Ibubapa	.230	.060	3.858	0.001	Signifikan
Media	< - - - Rakan	.233	.047	4.943	0.001	Signifikan
Media	< - - - Institusi	.340	.056	6.102	0.001	Signifikan
Rohani	< - - - Ibubapa	.425	.054	7.822	0.001	Signifikan
Rohani	< - - - Rakan	.225	.040	5.596	0.001	Signifikan
Rohani	< - - - Institusi	.059	.046	1.288	.198	Tidak Signifikan



Rohani	< - - -	Media	.152	.036	4.171	0.001	Signifikan
--------	---------	-------	------	------	-------	-------	------------

Jadual 20 Penyataan Hipotesis Untuk Setiap Laluan (*Path*) Dan Keputusannya

	Penyataan Hipotesis	Keputusan
H 1	Ibu bapa berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke atas media	Menyokong
H 2	Rakan berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke atas media	Menyokong
H 3	Institusi berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke media	Menyokong
H 4	Ibu bapa berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke atas rohani	Menyokong
H 5	Rakan berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke atas rohani	Menyokong
H 6	Institusi berhubung secara positif dan tidak berkepentingan ( <i>not significant</i> ) ke atas rohani	Tidak Menyokong
H 7	Media berhubung secara positif dan berkepentingan ( <i>significant</i> ) ke atas rohani	Menyokong

## KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pemboleh ubah iaitu peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa dalam hubungannya dengan tahap amalan kerohanian pelajar. Peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa merupakan pemboleh ubah bebas, manakala penghayatan amalan kerohanian merupakan pembolehubah bersandar.

Dengan analisis persamaan berstruktur (SEM) menggunakan perisian AMOS versi 20 variabel media massa tidak menjadi penengah dalam hubungan antara peranan ibu bapa, rakan sebaya dan institusi dengan tahap amalan kerohanian.


Dalam ujian korelasi yang dijalankan, didapati terdapat hubungan signifikan yang positif antara peranan ibu bapa dan tahap amalan kerohanian pelajar. Begitu juga peranan rakan sebaya, institusi dan media massa, semuanya terdapat hubungan yang signifikan yang positif.

Apa yang membezakannya adalah tahap kekuatan hubungan. Peranan ibu bapa mempunyai hubungan yang lebih kuat berbanding peranan rakan sebaya, institusi dan media massa. Peranan rakan sebaya mempunyai hubungan yang kedua terkuat diikuti peranan institusi dan media massa.

Dalam ujian regresi yang dijalankan ibu bapa memberi sumbangan terbesar dengan peratusan sebanyak 23.4%. Rakan sebaya pula menyumbang sebanyak 11.1%. Media massa juga memberi sumbangan ke tiga terbanyak dengan 3.1%, manakala sumbangan terakhir sebanyak 1% disumbangkan oleh institusi pendidikan. Keseluruhannya memberi sumbangan sebanyak 38.4%. Selebihnya disumbangkan oleh faktor lain yang tidak diperolehi menerusi kajian ini.

Dengan menggunakan analisis persamaan berstruktur SEM menunjukkan media massa bukan merupakan penengah dalam hubungan antara pengaruh ibu bapa, rakan dan institusi. Ini bermakna kehadiran media massa bukan faktor yang meningkatkan pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya memberi kesan terhadap peningkatan tahap amalan kerohanian. Bahkan dalam analisis ini tiada hubungan yang signifikan antara peranan institusi dengan tahap amalan kerohanian.

Walaupun begitu satu model telah berjaya dibentuk bagi mewakili proses yang terlibat untuk meningkatkan penghayatan amalan kerohanian melalui pembolehubah tersebut. Model akhir penghayatan amalan kerohanian dan hubungan antara pembolehubah ditunjukkan dalam gambarajah 5.3.



Rajah 5.1: Model Akhir Pengaruh Terhadap Tahap Amalan Kerohanian Pelajar

Berdasarkan rajah 5.1 di atas, penghayatan amalan kerohanian merupakan matlamat terakhir yang ingin dicapai. Ia didorong oleh peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Dalam hubungan ini amalan pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan media adalah penggerak utama atau variabel bebas (*exogenous*) manakala amalan kerohanian adalah variabel bersandar (*endogenous*).

Model tersebut menunjukkan dengan jelas kepentingan hubungan antara peranan ibubapa, rakan sebaya, media massa dan tahap amalan kerohanian. Hubungan variabel ibu bapa, rakan sebaya dan media adalah positif, manakala hubungan dengan peranan institusi adalah negatif.

Menerusi ujian korelasi yang dijalankan, sememangnya terdapat perhubungan dan perkaitan antara peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa. Pendek kata semuanya saling berperanan dalam menentukan seseorang pelajar itu menyempurnakan aktiviti kerohanian mereka.

Dapatan jelas menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara penghayatan amalan kerohanian dengan peranan ibu bapa, rakan sebaya, institusi dan media massa. Setiap ibu bapa perlu berperanan mendidik anak-anak sejak kecil supaya taat dalam melakukan ibadah yang dituntut dalam Islam terutamanya solat fardu. Ibu bapa yang mengabaikan peranan ini akan melahirkan generasi yang hanya tinggal Islam pada nama sahaja.

Begitu juga dengan pemilihan rakan sebaya. Ia juga menentukan tahap amalan seseorang itu. Ini jelas menunjukkan institusi juga berperanan untuk meningkatkan kesedaran keagamaan dalam diri pelajar sehingga membudayakan penghayatan keagamaan dalam kehidupan mereka di kampus.

Implikasi kajian ini juga menunjukkan media massa turut memainkan peranan yang berkesan di dalam mendidik generasi pelajar. Televisyen, radio dan internet juga antara elemen yang mempengaruhi tingkahlaku beragama dalam diri pelajar. Televisyen sepatutnya menyediakan rancangan atau drama yang boleh meningkatkan kesedaran dan keinsafan. Bukan sekadar rancangan yang menghiburkan hati seperti peraduan nyanyian, jenaka dan drama yang melalaikan.

## RUJUKAN

- Ary, D., Jacobs, L.C. & Razavieh, A. (1985). *Introduction to research in education* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw- Hill Education.
- Dane, F. C. (1990). *Research methods*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
- Fathi Yakan (1985). *Generasi Muda dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah & Lukman Abd. Mutalib (2013). Pemahaman dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education, Vol 1 Issue 1: 1-16*.
- al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulumuddin*, Terj. Oleh Ismail Yaakub, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad al-(1986). *Ihya Ulum al-Din*, Jld 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ghazali (1993). *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid & Muhammad Bin Ahmad. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq Abdul Rahim bin al-Husain al-cIraqi, al-Qahirah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Hawwa, S. (2004). *Tarbiyatuna al-Ruhyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Muhammad Ibn Mukarram. (1955). *Lisanul Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Imam Ghozali. (2008). *Model Persamaan Struktural: Konsep dan Aplikasi dengan Program AMOS 16.0*. Semarang: Badan Penerbit Universitas Diponegoro.
- Jasmi & Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al- Imam al- Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin* (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundation of Behavioral Research*. 3<sup>rd</sup> Edition. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nasr, S. H. (1987) *Islamic Spirituality*. London: Routledge & Kegan Paul.
- al-Nawawi, Muhyi al-din bin Sharf (2000). *Shahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. 10 Jilid. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Islami.
- al-Nawawi, Mahyuddin. (2007). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris (2008). *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 tahun merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nursuhaili Baharuddin. (2010). *Hubungan Antara Kemahiran Sosial Dengan Tingkahlaku Sosial dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah di Tabika Kemas*, Beaufort. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Rohner, Ronald, P. & Veneziano, R.A. (2001). *The Importance of Father Love: Historical and Contemporary Evidence*. American Psychological Association.
- R Rulindo, SE Hidayat & A Mardhatillah. (2011). The Impotantance of Spirituality for Successful Entrepreneurs dalam Mohd Zain, Asyraf & Mohd Rafi, *Journal of Bussiness and Social Development*: 1: 366-372
- Said Hawwa. (1979). *Tarbiyyatuna Arruhiyyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub Al- Arabiah.
- Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction* (Sixth edition). Boston: Allyn and Bacon.
- Zainudin Awang. (2015). *SEM made simple: a gentle approach to learning structural equation modeling*. MPWS Rich Publication.
- al-Zindani, Abdul Majid. (1996). *Al-Iman*. Terj: Mahyuddin Abdullah, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Zulkifli A. Hamid, Jamilah O., Aminah A., Ismi A. Ismail. (2011). Hubungan Antara Faktor Keluarga dan Amalan Beragama dengan Pencapaian Akdemik Pelajar Miskin di Negeri Selangor, Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2): 31-40.